

ISU


Bahasa slangaancam tamadun bangsa

 Kosmo
 18/5/2016
 m/s 24

DUDA *Terlajak Laris*, *Mr. Boss*, *Miss Stalker*, *Suamiku Encik Gula*, *Isteri Duda Terhangat* dan *Mr. London Ms. Langkawi* merupakan antara novel Melayu terlaris yang disenaraikan di laman web *mphonline.com* baru-baru ini.

Trend pembaca khususnya generasi Y yang turut dikenali sebagai generasi milenium iaitu mereka yang lahir pada 1981 hingga 1994 lebih gemar memilih bahan bacaan ringan dan santai.

Bahan bacaan yang menggunakan istilah bahasa moden merangkumi pelbagai slanga terkini berbanding bahasa Melayu sastera dan bercorak ilmiah menimbulkan



PARA pendidik perlu memainkan peranan yang penting dalam menyediakan bahan bacaan ilmiah kepada generasi muda masa kini. – Gambar hiasan

nilai sastera tetapi pada masa sama berkeupayaan menarik minat generasi muda ke arah corak penulisan itu.

“Inilah yang menguji kewibawaan seorang sasterawan. Pujangga Melayu sememangnya orang yang bijak menggunakan bahan sastera untuk membentuk masyarakat seperti mana nenek moyang dahulu menggunakan pantun dan nyanyian untuk menyebarkan ajaran serta nasihat berguna.

Islam

“Agama Islam tersebar luas di Nusantara melalui nazam iaitu sejenis puisi lama yang disampaikan dengan nyanyian.

“Contohnya, *Nazam Sifat 20* dan nyanyian lagu *Burung* *Kasih*.”



GENERASI Y lebih gemar memilih bahan bacaan ringan dan santai.



bacaan berunsur ilmiah selain mengganggu proses pembinaan generasi yang cerdas dan berilmu, beliau berkata, ia merupakan ancaman kepada sahsiah dan masa depan bangsa sebagai masyarakat bertamadun yang tinggi nilai sastera serta budaya.

Fenomena

“Tajuk-tajuk novel seperti itu bukan sahaja menjadi bahan bacaan pilihan golongan muda bahkan menjadi fenomena dan ikutan sehingga terbawa-bawa ke dunia realiti apabila banyak drama dan filem diadaptasi daripada novel-novel tersebut.

“Apa akan jadi jika kita terus melahirkan masyarakat khususnya Melayu yang asyik berkhalay sedangkan orang

persoalan mengenai pengisian yang diperoleh.

Berdasarkan perkembangan itu, **Sasterawan Negara ke-13, Datuk Dr. Zurinah Hassan** berkata, trend itu sesuatu yang membimbangkan khususnya dalam pembinaan modal insan berkualiti kepada negara.

Menganggap ia memberikan kesan negatif terhadap penyebaran bahan

lain sibuk mempertahankan pendidikan, kemahiran dan memajukan diri mereka untuk merebut lebih banyak peluang yang ada?,” soalnya.

Berpendapat senario itu berlaku ekoran kecenderungan masyarakat yang secara umumnya lebih suka kepada hiburan, Zurinah berkata, sikap masyarakat yang gemar memilih bahan bacaan bersifat eskapisme iaitu melepaskan diri daripada kemelut kehidupan sebenar turut menyumbang kepada trend berkenaan.

“Novel-novel yang menggunakan bahasa yang tidak mengikut nahu yang betul atau dengan kata lainnya mengandungi banyak ‘pencemaran bahasa’ khabarnya sangat laris dan diulang cetak berbelas-belas kali.

“Hal seperti ini tidak pula terjadi kepada novel-novel yang serius termasuk karya sasterawan negara dan sasterawan besar yang lain.

“Karya-karya sasterawan seperti Keris Mas dan Shahnun Ahmad mendedahkan perihal masyarakat sebenar (realiti kehidupan) dan mengajak pembaca berfikir, malangnya kebanyakan pembaca tidak berminat kepada cerita-cerita berat yang sebenarnya mampu menjana daya dan tahap

pemikiran mereka,” katanya.

Justeru, bagaimana mahu mengatasi perkara itu?

Menjawab persoalan itu, Zurinah yang mula dikenali melalui kumpulan sajak pertama beliau iaitu *Sesayup Jalan* yang dihasilkan pada tahun 1974 berkata, kerajaan perlu giat memainkan peranan dalam menyediakan bahan bacaan ilmiah sekurang-kurangnya

melalui Komponen Sastera (Komsas).

“Hakikat sebenar ialah masyarakat masih dan kekal berkeperluan kepada bahan bacaan yang dapat membentuk serta membangunkan minda mereka terutamanya dalam kalangan generasi muda termasuk

pelajar sekolah yang bakal menjadi pewaris bangsa.

“Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga perlu lebih kreatif menyediakan bahan bacaan yang menarik dan tidak menerbitkan bahan mengikut selera masyarakat atau yang laris di pasaran.

“Pendek kata, terbitkan bahan bacaan yang dapat membentuk masyarakat bukan bahan bacaan yang dibentuk oleh masyarakat,” tambah beliau.

Zurinah juga berpendapat, golongan sasterawan seperti beliau perlu menghasilkan penulisan yang kekal menjaga



ZURINAH

Kenek-Kenek iaitu burung kenek-kenek, hinggap di atas dahan, pesan datuk nenek, jangan lupa pada Tuhan,” ujarnya.

Beliau berkata, usaha berterusan perlu dijalankan bagi menyebarkan puisi dan lagu-lagu sama ada melalui cetakan atau menggunakan platform seperti YouTube dan media sosial lain.

Ditanya bagaimana nilai positif dan aspek ilmiah boleh diterapkan dalam bahan bacaan bercorak santai serta ringan, Zurinah berkata, pendekatan yang lebih positif, kreatif serta pelbagai perlu disuntik selaras dengan minat generasi muda.

“Dalam menghadapi cabaran ini, kita juga perlu menerima hakikat bahawa semua perkara akan berubah. Begitu juga dengan bahasa. Bahasa akan melalui perubahan namun keindahan dan pengisian yang sepatutnya ada pada bahasa itu perlu dikekalkan sampai bila-bila.

“Contohnya, tema kisah cinta yang masih menerapkan nilai tatasusila budaya di samping menyelitkan unsur-unsur pengajaran, nilai murni dan motivasi.

“Ia wajar dimasukkan sebagai elemen dalam sesebuah penulisan kerana ia dapat membantu dalam pembinaan watak pembaca yang baik sekali gus membentuk masyarakat berilmu dan berakhlak,” jelas beliau. – Bernama